

dewan
Sastra


peneroka sastra kreatif

KDN 8520

JANUARI 1975

80 SEN





seni grafik: sebagai suatu ekspresi dalam seni

6...ekspresi akan melahirkan pelbaga

Akhir tahun 1974, merupakan detik senilukis kerana telah berlangsung satu pameran dan pertandingan seni grafik anjuran bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Balai Senilukis Negara.

Bertempat di Balai Senilukis Negara upacara penyampaian hadiah sekaligus pembukaan pameran dilangsungkan pada 22hb. November lalu. Kemudian diikuti pula dengan pameran grafik Kumpulan Anak Alam di studio mereka di Taman Budaya, Persiaran Tun Ismail pada 2hb. Disember, 1974.

Ramai yang beranggapan bahawa seni grafik merupakan seni Applied Art yang berfungsi sebagai bahan pelengkap untuk mass media terutamanya dalam bahan bacaan, buku-buku cerita ataupun komik-komik yang lebih dicap sebagai bahan ilustrasi. Tetapi seni grafik juga dapat digolongkan kepada seni Fine Art. Ini tergantunglah kepada dasar dan tujuan utama si penciptanya.

Seni grafik atau seni cetak ialah seni duimatra yang dihasilkan dengan jalan atau proses cetak-mencetak

(tidak termasuk jenis monotype, tempelan ataupun kolaj). Cukilan dari kayu, hard board, lino, sutra saring merupakan media-media yang bisa menghasilkan seni ini. Intaglio yang meliputi etching (gurisan), aquatint, mezzotint, tint sugar dan lithography merupakan hasil seni grafik setelah adanya pertemuan dengan bahan-bahan moden. Semuanya menggunakan bahan logam sebagai klisenya kecuali lithography. Dalam lithography diperlukan sejenis batu khusus sebagai bahan pentingnya. Kesemua media-media tadi yang telah dilukis dan menjadi klise akan dicetak dengan alat pencetak khusus sebanyak mungkin. Pengulangan cetak dalam jarak waktu yang lama adalah menyalahgunakan sistem seni grafik.

Setakat ini hanya terdapat beberapa buah saja alat pencetak antaranya di Universiti Sains Malaysia dan di Institut Teknologi Mara. Kebetulan di kedua-dua institusi ini terdapat pengajian senilukis dan rekabentuk, dan satu lagi kepunyaan Latiff Mohidin di Taman Budaya.

Jepun yang menguasai seni ini dengan para ahli-ahli yang terkemuka

pernah merajai terus pada zaman ke zaman. Malah negeri ini juga dianggap sebagai pelopor seni grafik. Hasil seni grafik di Jepun bermula dari hasil yang dibuat oleh pendita Buddha sebagai bakti kepada agama mereka. Diikuti dengan cukilan kayu yang menggambarkan kehidupan harian (abad 17-19) yang lebih dikenal sebagai 'ukiyo-e' yang bererti floating world of pleasure. Kemudian 'ukiyo-e' ini berkembang ke Eropah hinggalah pelukis-pelukis impresionis seperti Vincent Van Gogh dan Paul Gauguin ketara sekali dipengaruhi oleh 'ukiyo-e' ini.

Dari dua gallery (Balai Senilukis dan Studio Anak Alam) kita melihat semacam keghairahan baru yang memberansangkan. Peserta-peserta di Balai Seni, kebanyakannya, pernah belajar di institusi seni di luar mahupun dalam negeri. Yang terakhir ini tentu saja dari U.S.M. dan I.T.M. manakala dengan kecenderungan akan bentuk alam merupakan persembahan utama dari Kumpulan Anak Alam yang kebanyakannya adalah pelukis-pelukis 'auto didak' yang membentuk peribadi mereka sendiri dengan



penghidupan di terengganu — gurisan — lai loong seng

Bentuk yang masing-masing tidak sama tergantung kepada bakat... 9

pengalaman dan percubaan. Kecuali Latiff Mohidin yang mempelajari seni grafik di Amerika, Siti Zainon di Indonesia dan beberapa calon pelukis dari I.T.M. juga turut serta pelukis-pelukis grafik dari Bahagian Reka-bentuk Dewan Bahasa dan Pustaka.

Satu hal yang patut diketengahkan di sini ialah kebebasan pencetak-pencetak dalam mengubahsuai bentuk-bentuk alam (walaupun alam tidak lagi dianggap hal yang mutlak dalam melahirkan idea mereka) dengan gaya imajinasi dan intuisi hingga melahirkan karya kreatif dalam bentuk seni cetak ini.

Dari pameran ini juga kita dapat mengatakan bahawa taraf dan nilai karya yang telah dipilih untuk diikuti sertakan dalam kedua-dua pameran itu adalah baik pada keseluruhannya. Dengan menunjukkan teknik yang berbagai cara-cara proses yang 'sophisticated'. Pencetak-pencetak juga telah menunjukkan keahlian mereka, walaupun dengan menggunakan bahan-bahan ringan. Cukilan pada lino, kayu misalnya menampilkan kelancaran mereka dengan

menyesuaikan daya cipta dari dalam diri dengan gaya yang tersendiri.

Bagi saya teknik penyampaian adalah amat menentukan keseluruhan dari ciptaan itu. Inilah yang menyebabkan para panel hakim telah memilih Raja Zahabuddin Yaakub sebagai pemenang utama (lihat karyanya: keluar dari yang tidak diketahui—sutra saring). Manakala dalam 'penghidupan di Terengganu' karya Lai Loong Seng—gurisan, kita menemukan betapa tekunnya beliau memindahkan suasana alam keliling di Terengganu khususnya suasana pantai kepada bentuk-bentuk dan bahasa dalam teknik seni cetak.

Seni cetak dalam golongan Fine Art tidak dapat menghindari dari penilaian dan kriteria bahasa seni. Di mana unsur ekspresi tetap memainkan peranannya. Nilai artistik tidak ditentukan kepada subjek yang digambarkan tetapi juga unsur komposisi, garis, texture dan lain-lainnya (warna dalam seni cetak agak kurang diperhatikan). Ini tentu saja ada per-samaannya dengan seni cetak untuk

Applied Art, walaupun unsur ekspresi dan kegunaannya harus diimbangi.

Dengan kata lain, tercurahnya ekspresi akan melahirkan pelbagai bentuk yang masing-masing tidak sama tergantung kepada bakat pembawaan masing-masing pelukis. Tentu saja ia mempunyai bakat visual seperti kata Peter Lawenfeld, maka ia cenderung untuk melukis dengan cara real. Sedang untuk yang non-visual, maka akan melahirkan karya-karya yang ekspresionistis, non-figuratif atau abstrak.

Nampaknya gejala ini bukanlah perkara anih bagi lingkungan para pelukis dan pencetak-pencetak kita. Tajudin dengan karya gurisannya, seperti 'Awanan II' merupakan bentuk abstrak nampaknya tidak menolak juga akan bentuk alam. Begitu juga Ismail Hashim dari U.S.M. dengan wajah orangnya. Yang jelas di sini, kebebasan baik dalam apa bentuk penyampaian seni pun memamirkan keahlian pelukis dalam berimajinasi dan berfantasi di samping unsur rasio yang patut diperhatikan.

—siti zainon ismail